BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Ministry of Education
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : I-M/KOKU/300-3/KRSM(242/2026)
Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld. 64 (51)
Tarikh : 15 Oktober 2026

Pengerusi
Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh
6-1 Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sg. Besi Indah
43300 Seri Kembangan
Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID BAGI PROGRAM *INTERNATIONAL 500K ARROWS* PASUKAN BADAN BERUNIFORM DENGAN JEMPUTAN SEKOLAH SWASTA DAN TERBUKA ANJURAN KADET REMAJA SEKOLAH MUSLEH TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat pihak tuan bernombor rujukan I-M/KOKU/300-3/KRSM(242/2026) bertarikh 14 Oktober 2026 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak **Kadet Remaja Sekolah Musleh** atas inisiatif menganjurkan **Program *International 500K Arrows* Pasukan Badan Beruniform dengan Jemputan Sekolah Swasta dan Terbuka** yang telah dilaksanakan secara dalam talian mulai **1 Ogos hingga 15 September 2026.** Penganjuran program ini merupakan usaha yang baik dalam menyediakan peluang kepada murid untuk mengembangkan potensi diri serta mengharumkan nama sekolah melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti laporan penglibatan murid bagi program berkenaan. Sehubungan dengan itu, penglibatan murid dalam program tersebut diberikan pengiktirafan sebagai **Penglibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi tujuan pemarkahan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Pemarkahan hendaklah dilaksanakan berdasarkan jadual penilaian PAJSK yang berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam lampiran.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Unit Pasukan Badan Beruniform** di talian **03-88721619** atau melalui e-mel **upbb.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HUSZAIDI BIN HUSSIN)
b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

arifah/upbb

LAMPIRAN

PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PENGLIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara.
PENGLIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Penglibatan murid sebagai penyokong atau penonton.

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/ Daerah	11	8	4

RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN

Penyertaan Bersemuka		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)	Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

Perincian ringkasan pengiktirafan boleh dirujuk dalam Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (tarikh kemas kini: 3 Jun 2025)